

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

ترافيٰ کجیو اعن TERAPI KEJIWAAN

TAJUK:
Kredit / Berterima Kasih Kepada
Para Barisan Hadapan Dan Sukarelawan



كُلُّ مُتَبَرِّجٍ حَالَ الْحَدَالَ حَلَّ كُلُّ مُ

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM





“...Maka, seterusnya untuk mengukuhkan doa kita itu, kita telah lakukan amal ibadat semata-mata kepada Allah. Amal kebajikan dan amal soleh sesama kita hamba-hamba Allah dan dengan ikhlas kita melakukannya kerana Allah juga. Ditambah lagi dengan adanya kesedaran selaku komuniti, kita orang Brunei telah menunjukkan semangat khidmat bakti yang tinggi terutama daripada petugas-petugas barisan hadapan. Dalam masa yang sama, kita mendapati kalangan sukarelawan muncul khasnya daripada generasi muda baharu yang aktif dengan kerja-kerja sukarelawan. Semua ini menjadi pemangkin ketahanan nasional kita sebagai komuniti dan bangsa...”

(Ucapan Yang Berhormat Pehin Udina Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama di Majlis Mesyuarat Negara pada Selasa, 2 Syaaban 1442 bersamaan 16 Mac 2021.)

Kredit / Berterima Kasih Kepada Para Barisan Hadapan Dan Sukarelawan

Ayat Al-Quran

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

وَتَعَاوُنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا
تَعَاوُنُوا عَلَى الْأَثْمِ وَالْعَدْوَىٰ وَلَا تَعْوَذُ
اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ شَيِيدُ الْعِصَابِ

Tafsirnya: "...dan tolong-menolonglah kamu dalam kebaikan dan ketaqwaan dan janganlah tolong menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah). Dan bertaqwah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat sekannya." (Al-Maidah ayat 2)

Hadith Rasulullah ﷺ

- Jabir meriwayatkan bahwa Rasulullah ﷺ bersabda, yang bermaksud: "Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia." (Hadith Riwayat Thabarani dan Daruqutni)
- Abu Musa al-Asy'arie meriwayatkan bahwa Rasulullah ﷺ bersabda, yang bermaksud: "Orang beriman dengan orang yang beriman itu umpama bangunan yang saling kukuh mengukuhkan di antara sebahagiannya dengan sebahagiannya." (Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

Titah

Titah Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada 13 April 2020: "...Beta dengan tulus ikhlas merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih diatas sumbangan tenaga dan buah fikiran yang dihulurkan oleh semua pihak, termasuk orang-orang persendirian dalam membantu kerajaan Beta menghadap detik-detik yang mencabar ini. Terutama kepada para barisan hadapan, termasuk sukarelawan (volunteers) yang telah bekerja siang dan malam untuk membantu merawat para pesakit Covid-19 dan mereka yang menjalani kuarantin. Sumbangan mereka ini amat Beta hargai. Beta turut memahami, betapa beratnya bebanan para petugas barisan hadapan. Kalau orang lain merasa bosan duduk di rumah, tetapi mereka sering-sering melihat jam, bilakah boleh balik ke rumah. Di rumah ada anak-anak sedang menunggu dan rindu..."

Sukarelawan dalam Islam

Dalam pandangan Islam, aktiviti kesukarelawan merupakan aktiviti yang terpuji. Banyak antaranya mencakup pelbagai aktiviti yang memberikan khidmat bakti kepada orang lain dengan niat tulus ikhlas kerana Allah Taala, menjaga keperibadian Muslim yang baik dan dalam masa yang sama sentiasa menjaga batas-batas syara'.

Jika perkara sebegini dipelihara dan diaplikasikan, ia adalah seiring dengan ajaran Islam yang menggalakkan umatnya untuk sentiasa berlumbaya-lumba ke arah kebaikan (الخيرات). Malah sukarelawan seperti ini adalah merupakan amal soleh yang mendatangkan manfaat di dunia dan akhirat.

Konsep Tolong-Menolong

Adapun konsep tolong-menolong di dalam aktiviti sukarelawan adalah bertepatan dengan konsep *at-Ta'awun 'alal birri wattaqwa* yang menggalakkan untuk bertolong-tolongan dalam perkara yang membawa kepada kebaikan / kebijakan dan taqwa, dengan syarat ianya menghindarkan kita dari bertolong-tolongan dalam perkara yang membawa kepada dosa dan permusuhan.

Dengan menjaga konsep ini, kita akan mampu memperbaiki hubungan kita dengan Allah dan hubungan kita dengan manusia (*hablum minallah wa hablum minas nas*).

Tradisi Masyarakat Brunei

Negara Brunei Darussalam amat bertuah kerana masyarakatnya adalah terdiri daripada mereka yang terbiasa dengan tradisi tolong menolong atau lebih dikenali dengan istilah *bergotong-royong* atau *bermucang-mucang*. Ini adalah hasil amalan yang telah lama diterapkan di dalam sanubari Orang Brunei yang terbiasa untuk tidak *camah mata* apabila melihat mereka yang ditimpakan kesusahan atau penderitaan. Tidak asing juga bahawa, tradisi ini amatlah bertepatan dengan semangat yang terkandung dalam Falsafah Melayu, Islam, Beraja (MIB).

Belia dan Sukarelawan

Golongan belia adalah golongan yang paling banyak memainkan peranan dalam aktiviti sukarelawan, terutamanya dalam usaha menghulurkan bantuan kepada golongan-golongan yang amat memerlukan. Ini termasuklah menerusi kegiatan-kegiatan amal dan aktiviti berkebajikan serta tidak dapat dinafikan bahawa usaha-usaha ini amat memberikan impak yang besar dan positif kepada golongan-golongan yang disasarkan. Teruskan baktimu wahai para belia demi ugama, bangsa dan negara!!

Penghargaan / Kredit

Pastinya kerja keras para frontliners (barisan hadapan) yang terdiri daripada doktor, jururawat, polis, askar, petugas pembersihan, para sukarelawan dan sebagainya amatlah perlu untuk dihargai.

Dengan risiko dihadapi serta penatalah mereka meredah cuaca hujan dan panas, siang dan malam tanpa henti sehingga terpaksa meninggalkan keluarga semata-mata untuk memastikan orang ramai boleh meneruskan kehidupan dengan tenang dan selamat, adalah amat perlu untuk dihargai dan dikenang .

Kredit / Berterima Kasih Kepada Para Barisan Hadapan Dan Sukarelawan

Melihat betapa mencabar, memenatkan dan berisiknya tugas-tugas mereka, maka kitani patut merasa bersyukur dan berterima kasih atas keikhlasan mereka membantu rakyat dan negara memerangi Covid-19. Demikian juga, haruslah kitani menghargai pengorbanan mereka dan berusaha meringankan beban mereka antaranya dengan membantu sama ada dari segi material atau dengan apa jua jenis komitmen. Ini sekaligus sebagai satu usaha kitani untuk saling bantu-membantu dalam mencapai kebaikan dan taqwa diantara kitani, sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Taala dan Surah Az-Zukhruf ayat 32:

**هُمْ يَقْسِمُونَ رَحْمَتَ رَبِّكَ، نَحْنُ قَسَمْنَا بَيْنَهُمْ مَعِيشَتَهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا، وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ
بَعْضٍ دَرَجَتٌ لِيَتَّخِذَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا سُخْرِيًّا، وَرَحْمَتُ رَبِّكَ حَيْزٌ مَّا يَجْمِعُونَ**

Tafsirnya: "Adakah mereka (yang) membahagi-bahagikan rahmat Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad)? (Tidak. Sebenarnya) Kamilah (yang) membahagi-bahagikan antara mereka keperluan hidup mereka dalam dunia ini, (sebahagiannya Kami jadikan kaya dan sebahagiannya kami jadikan miskin). Dan Kami meninggikan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain beberapa darjat supaya sebahagian daripada mereka dapat menggunakan sebahagian yang lain. Dan rahmat Tuhanmu adalah lebih baik daripada apa sahaja yang mereka kumpulkan."

Rasulullah ﷺ juga bersabda, yang bermaksud: "Siapa yang melapangkan seorang mukmin dari kesusahan dunia, niscaya Allah melapangkan baginya kesusahan pada hari kiamat. Siapa yang memberi kemudahan kepada orang yang dilanda kesulitan, niscaya Allah memberi kemudahan baginya di dunia dan akhirat. Siapa yang menutup (aib) seorang muslim, niscaya Allah menutup (aibnya) di dunia dan akhirat. Allah senantiasa menolong seorang hamba selama hamba itu menolong saudaranya..." (Hadith riwayat Muslim)

Mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus menerus menganugerahkan kepada kita semua kesihatan, ke'afiatan, rezeki yang halal dan banyak, umur yang penuh keberkatan dan keselamatan di dunia dan akhirat. Ameen ya Rabbal 'Alamin.

والله ولی التوفيق